



**KAJIAN TENTANG CARA PENGAJARAN SENI KHAT  
DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH RENDAH  
CHERANG RUKU, PASIR PUTEH, KELANTAN**

**WAN NUR NADHIRAH BINTI W MAHMOD**

**C17A0383**


**Tesis ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian  
daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda  
Teknologi Kreatif Dengan Kepujian**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN**

**2021**

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang dirangkumkan di dalam kajian ini adalah berdasarkan penyelidikan asal dan belum diserahkan untuk darjah tertinggi bagi mana-mana Universiti dan Institusi.



**TERBUKA**

Saya bersetuju bahawa laporan saya akan dibuat segera dan boleh didapati dalam bentuk salinan dan dalam talian (teks penuh).

**SULIT**

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rasmi Rahsia 1972) \*

**TERHAD**

(Mengandungi maklumat terhad seperti yang ditentukan oleh organinasi di mana penyelidikan dilakukan) \*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak seperti berikut :

1. Laporan ini adalah hak Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan penyelidikan sahaja.
3. Perpustakaan mempunyai hak untuk salinan laporan untuk pertukaran akademik.

Tandatangan

Nama:

Tarikh:

Tandatangan penyelia

Nama:

Tarikh:

Nota: Jika laporan ini SULIT ATAU TERHAD, sila kepilkan Bersama surat daripada organisasi yang menyatakan masa dan sebab untuk kesulitan dan pembatasan.

## **ISI KANDUNGAN**

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
	Pengenalan	10-11
<b>1.0</b>	<b>Latar Belakang Masalah</b>	
	1.1 Rumusan Masalah	11-13
	1.2 Persoalan Kajian	13
	1.3 Istilah	
	1.3.1 Pengajaran	14
	1.3.2 Seni	14
	1.3.3 Khat	15
	1.4 Tujuan Penyelidikan/Objektif Kajian	16-17
	1.5 Manfaat Penyelidikan	18
<b>2.0</b>	<b>Kajian Pustaka</b>	
	2.0 Pengenalan	18
	2.1 Pengajaran	19
	2.2 Seni	20-22
	2.3 Khat	
<b>3.0</b>	<b>Metodologi Kajian</b>	
	Pendahuluan	24-26

<b>3.2 Data</b>	
3.2.1 pemerhatian	25
3.2.5 Soal selidik	25
3.2.2 Data buku Ilmiah	26
3.2.3 Perpustakaan	26
<b>Membuat Diagram Proses Kajian</b>	<b>27</b>
Carta Gantt	28
<b>Keputusan dan perbincangan</b>	<b>29-32</b>
Pemerhatian	29-32
Soal selidik	32-45
Hasil karya	46-49
<b>Kesimpulan</b>	
	50-51
<b>Rujukan</b>	<b>52-53</b>
<b>Lampiran</b>	<b>54-60</b>

UNIVERSITI  
 ━━━━━━  
 MALAYSIA  
 ━━━━━━  
 KELANTAN

PERAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tandatangan

Nama pelajar:

No.Matriks:

Tarikh

Disahkan oleh:

## Tandatangan Penyelia

Nama penyelia:

Cop

Tarikh

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera. Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani serta selawat ke atas junjungan Nabi Muhamad S.A.W. Alhamdulillah, pertama sekali saya bersyukur ke hadrat ilahi dengan limpah dan kurnia-Nya saya telah dianugerahkan kesihatan yang baik untuk menyempurnakan kajian ilmiah ini dengan lancar.

Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada Dr Yuhanis Bin Ibrahim selaku penyelia untuk subjek CFT 4134 Projek Penyelidikan yang bertungkus-lumus memberi nasihat dan panduan yang amat berguna dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam menyiapkan kajian saya. Selain itu, jutaan terima kasih saya tujukan kepada penyelia saya Dr Yuhanis Bin Ibrahim kerana telah memberi tunjuk ajar yang berkesan dan ruang dan peluang dalam usaha memperkuuhkan kajian yang saya kaji sehingga ke hari ini.

Di samping itu, tidak saya lupakan juga ibu dan keluarga tercinta, serta rakan-rakan sekelas kerana telah memberi sokongan dan dorongan yang tidak terbelah

bahagi sehingga saya mampu sampai ke tahap ini untuk menyiapkan kajian ilmiah yang dikaji ini. Semoga segala jasa dan keringat yang kalian berikan mendapat balasan daripada Allah S.W.T.

## ABSTRAK

Seni khat merupakan salah satu kesenian Islam yang halus dan indah serta mempunyai kedudukan tersendiri oleh umat Islam. Seni khat bukan sahaja berfungsi sebagai penyampai maklumat yang dicipta dengan penuh teliti dan hemat yang tinggi malah kesenian ini mengandungi nilai abstrak yang dihiasi dengan kehalusan, kelembutan, pergerakan, keharmonian, kesinambungan, jalinan dan tekstur. Maka tidak menjadi suatu persoalan mengapa seni khat memberi hasil terakhir yang sangat mengagumkan, unik dan kemas. Hal ini kerana faktor tokoh seni itu sendiri yang berpengalaman dan menguasai pelbagai teknik penghasilan. Ketujuh-tujuh nilai itu penting sebagai ilmu dan kaedah yang tepat dalam kesenian proses penghasilan seni khat, jika tidak diaplikasikan nilai-nilai itu di dalam kehalusan seni khat maka untuk mendapatkan hasil yang bermutu sangat sukar diperolehi kerana sesuatu hasil yang dikerjakan memerlukan masa yang lama, kaedah yang pelbagai dan ketelitian yang tekun serta keikhlasan jiwa yang telus.

Terdapat 6 jenis tulisan seni khat yang lahir dalam Islam anataranya ialah khat Kufi, khat Nasakh, khat Thuluth, khat Farisi, khat Riq'ah dan khat Diwani. Walaupun

memiliki perbezaan dan teknik penulisan yang berbeza-beza, namun begitu, ia masih ada hubungkait antara satu dengan lainnya. Contoh khat kufi banyak berpengaruh kepada jenis-jenis khat lainnya seperti Riq'ah dan Diwani bahkan menjadi penyempurna corak ini.

Oleh yang demikian, satu kajian telah dijalankan berkaitan keindahan seni Islam dunia iaitu cara pengajaran seni khat dalam kalangan Sekolah Rendah Cherang Ruku yang bertempat di negeri Kelantan. Kajian yang dibuat telah memilih kaedah kualitatif sebagai kaedah untuk mengumpulkan data, menganalisis data serta menghurai data dengan melakukan tinjauan yang berdasarkan pada pengedaran soal selidik untuk mendapatkan maklumat mengenai data responden, persepsi dan juga tahap persetujuan dan pembangkangan responden. Selain itu juga, kaedah pemerhatian juga termasuk dalam kaedah kualitatif dimana kaedah ini melibatkan aktiviti memerhati sesuatu yang berkaitan dengan kajian penyelidikan. Sesungguhnya kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti cara pengajaran tokoh seni khat dan mengenal pasti pendekatan pengajaran tokoh seni khat serta mengenal pasti kaedah terbaik pengajaran tokoh seni khat.

## ABSTRACT

Calligraphy is one of the fine and beautiful Islamic arts and has its own position by Muslims. Calligraphy not only serves as a meticulously and economically created communicator of information but this art contains abstract values adorned with finesse, softness, movement, harmony, continuity, interweaving and texture. So it is

not a question of why calligraphy gives a very impressive, unique and neat end result. This is due to the factor of the art figure himself being experienced and mastering various production techniques. These seven values are important as the right knowledge and methods in the art of calligraphy production process, if the values are not applied in the finesse of calligraphy then to get quality results is very difficult to obtain because a result is done takes a long time, varied methods and diligent meticulousness as well as transparent sincerity of soul.

There are 6 types of calligraphy born in Islam, among them are Kufi calligraphy, Nasakh calligraphy, Thuluth calligraphy, Farisi calligraphy, Riq'ah calligraphy and Diwani calligraphy. Despite having different differences and writing techniques, however, they still have a relationship with each other. Examples of kufi calligraphy have many influences on other types of calligraphy such as Riq'ah and Diwani and even perfect this pattern.

Therefore, a study was conducted on the beauty of Islamic art in the world, namely the way of teaching calligraphy among Cherang Ruku Primary School located in the state of Kelantan. The study has chosen qualitative methods as a method to collect data, analyze data and analyze data by conducting a survey based on the distribution of questionnaires to obtain information on respondents' data, perceptions and also the level of agreement and disagreement of respondents. In addition, the observation method is also included in the qualitative method where this method involves the activity of observing something related to the research study. Indeed, this study was conducted to identify the teaching methods of calligraphy figures and to identify the teaching approaches of calligraphy figures as well as to identify the best methods of teaching calligraphy figures.

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1. PENDAHULUAN

Seni adalah merupakan sifat yang diterjemahkan dalam bentuk yang boleh nampak. Seni juga merupakan unsur yang sangat terkait rapat dengan kehidupan manusia. Malah kita sebagai manusia boleh dikatakan setiap hari menjadikan seni sebagai alat perhubungan, ekspresi diri, dan kreativiti individu. Seni juga adalah merupakan imej yang ada dalam pemikiran manusia dan diterjemahkan dalam pelbagai jenis bentuk seperti lukisan, ujian dan tulisan dan sebagai contoh tepat adalah seni khat terhadap kertas. Biasanya seni tulisan Islam, bahasa Arab seringkali dibuat kaligrafi ini banyak menggunakan ayat-ayat suci Al-quran. Pelbagai bentuk yang ada dan tidak semestinya ditulis secara berdakwat ke atas kertas, malah ia juga boleh dilakukan ke atas logam atau kulit. Walaupun tulisan kaligrafi lebih dikenali terutamanya tulisan

Arab, namun terdapat pula penerapan aplikasi ke dalam tulisan Latin.

Kesenian Islam merupakan hasil karya ciptaan manusia yang mempunyai unsur-unsur Islam. Dalam konteks Islam, seni itu harus dicipta bagi menarik minat

lagi orang- orang yang bukan beragama Islam untuk melihat keindahan Islam itu sendiri. Banyak orang menganggap Islam itu harus dikembangkan dengan cara melalui lisan, namun cara penyampaian tidak seharusnya melalui lisan sahaja bahkan boleh dilakukan melalui seni itu sendiri dengan menerapkan unsur-unsur Islam pada hasil seni. Seni khat ini menunjukkan wujudnya aktiviti orang Islam. Kreativiti yang dihasilkan biasanya dipamerkan pada bangunan-bangunan, kubah dan masjid, dinding dan logam. Seni khat ini menunjukkan betapa halusnya dan teliti setiap hasil yang dilakukan. Hal itulah yang menjadikan betapa uniknya seni khat tersebut.

## MASALAH KAJIAN

### 1.0 Latar Belakang Masalah

Ramai sebenarnya yang menghargai tulisan khat tetapi tidak ramai yang dapat mendalami kemahiran seni khat. Kebanyakan masyarakat hanya pernah melihat karya-karya seni khat yang digantung pada dinding-dinding sekolah, masjid, surau dan sebagainya atau perhiasan di kediaman masing-masing tetapi kaedah penulisan seni khat jarang dilihat dan diketahui oleh masyarakat kini. Pada masa kini seni khat sedang diancam kepupusan kerana masyarakat tidak lagi menganggap seni khat sesuatu yang menarik. Padahal seni khat itu mempunyai nilai yang tersendiri terutama dari segi sumbangannya kepada tamadun Islam di seluruh dunia. Sejak wahyu pertama kepada Nabi Muhammad S.A.W diturunkan untuk mengajar umat Islam membaca dan menulis.

Kemerosotan seni khat pada masa kini mungkin disebabkan oleh generasi sekarang kurang berminat untuk mempelajari seni khat. Apatah lagi untuk belajar

satu persatu mengambil masa yang agak lama. Ia memerlukan penelitian yang mendalam, kesabaran dan kemahiran yang tinggi. Justeru, masalah ini adalah sesuatu yang membimbangkan, kerana jika ia dibiarkan berterusan pasti tidak ada generasi yang akan mewarisi dan mempopularkan seni khat ini. Oleh itu, pelbagai tindakan segera harus dilakukan untuk menaikkan martabat seni khat.

Sebenarnya, terdapat banyak rahsia seni khat yang terpendam dan dilupakan oleh masyarakat Islam. Seharusnya, seni khat terus dikaji, dan dibincangkan secara ilmiah dengan dapatannya disebarluaskan untuk dihayati oleh umat Islam dan masyarakat lain. Sedikit sebanyak dapatan ini boleh memberikan gambaran yang lebih jelas tentang mengapa Allah S.W.T sahaja yang mengetahui segala sesuatu, dan sesuatu yang dibuat-Nya pasti tersirat dengan seribu satu hikmat yang masih kabur daripada pengetahuan manusia.

Melihat daripada ciri-ciri keistimewaan yang terdapat pada seni khat, amat wajarlah masyarakat Melayu mempelajari kaedah belajar seni khat dan menghayatinya kembali.

### **1.1 Rumusan/Kenyataan Masalah**

Disebabkan terdapatnya kemerosotan seni khat pada era kemodenan ini, maka kajian ini dijalankan meliputi cara pengajaran seni khat. Antara permasalahan kajian yang wujud adalah ketiadaan guru yang mahir dan berpengalaman di peringkat sekolah. Keadaan ini akan menyebabkan bakat dan

minat yang terpendam dalam kalangan pelajar sekolah tidak dapat dicungkil dan digilap sepenuhnya.

Kaedah atau cara pengajaran yang digunakan semasa pengajaran seni khat mungkin terlalu sukar untuk diikuti oleh pelajar. Hal ini kerana untuk menghasilkan tulisan khat yang baik ia memerlukan kaedah pengajaran yang betul selain kesabaran dan ketelitian dan masa yang agak lama. Melihat akan keadaan ini sudah pasti mengapa lebih ramai masyarakat sekadar mengagumi berbanding untuk mempelajari cara penulisannya. Situasi permasalahan yang berlaku telah mendorong pengkaji untuk membuat kajian tentang “Kajian tentang Cara Pengajaran Seni Khat dikalangan Pelajar Sekolah Rendah Cherang Ruku, Pasir Puteh, Kelantan.

## 1.2 PERSOALAN KAJIAN

Terdapat beberapa objektif kajian yang ingin dicapai oleh pengkaji di dalam kajian yang bertajuk “Kajian tentang Cara Penggunaan Seni Khat dikalangan Pelajar Sekolah Rendah Cherang Ruku, Pasir Puteh, Kelantan.”

- a) Apakah cara pengajaran tokoh seni khat di Sekolah Kebangsaan Cherang Ruku
- b) Apakah pendekatan pengajaran tokoh seni khat di Sekolah Kebangsaan Cherang Ruku
- c) Apakah kaedah pengajaran terbaik tokoh seni khat di Sekolah Menengah Cherang Ruku untuk mata pelajaran seni khat di peringkat sekolah.

## Hipotesis/Andaian

Kajian yang dibuat akan difahami oleh masyarakat luar agar mereka lebih mengerti tentang cara pengajaran seni khat. Kajian yang dibuat juga akan dapat memartabatkan kembali keagungan seni khat yang makin lama semakin tidak disanjung dan dilupakan.

### 1.3 Istilah

#### 1.3.1 Pengajaran

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007). Pengajaran bermaksud perihal mengajar, segala sesuatu aspek yang berkaitan dengan mengajar (seperti cara atau sistem mengajar, aspek yang dipentingkan dan lain-lain).

Pengajaran bermaksud usaha yang dibuat bagi membolehkan pembelajaran berlaku dalam diri orang lain. Ia merangkumi penyediaan rancangan pengajaran yang meliputi penggunaan teknik pengajaran tertentu, alat dan bahan sumber tertentu. Dengan itu dapat dikatakan pengajaran adalah usaha yang diatur dan mempunyai matlamat, yang biasanya untuk mencapai sesuatu yang boleh diukur kejayaannya. Robiah (1998)



Gambar 1 : contoh sesi pengajaran dan pembelajaran seni khat

### 1.3.2 Seni

Seni disebut dalam perkataan Inggeris sebagai Art, yang berasal daripada bahasa Yunani yang bermaksud kecekapan dan kebolehan. Norrodzoh Hj. Siren (2004)

Menurut Kamus Besar Bahasa Indonesia (1988) secara umumnya kesenian ditafsirkan sebagai sesuatu hasil ciptaan manusia yang memiliki nilai estetik bagi penciptanya, pernyataan dan hiasannya yang paling menonjol dan dominan dalam hal tertentu mengambil kira aspek penggunaannya.



Gambar 2 : Contoh gambar seni

### 1.3.3 Khat

Khat adalah merupakan lidahnya tangan, kecantikan rasa, penggerak akal, penasihat fikiran, senjata pengetahuan, perekat persaudaraan ketika bertikai dan pembincang ketika berjauhan, pencegah segala keburukan dan khazanah pelbagai masalah kehidupan. Aiman Abdul Salam (2002)



Gambar 2 : khat Thuluth

### 1.4 Tujuan Penyelidikan/Objektif

Dalam membuat kajian ini, pengkaji telah menetapkan beberapa objektif di dalam kajian ini iaitu :

- a) Mengenal pasti cara pengajaran tokoh seni khat di Sekolah Kebangsaan Cherang Ruku
- b) Mengenal pasti pendekatan pengajaran tokoh seni khat di Sekolah Kebangsaan Cherang Ruku
- c) Mengenal pasti kaedah pengajaran terbaik tokoh seni khat di Sekolah Menengah Cherang Ruku untuk mata pelajaran seni khat di peringkat sekolah

Tujuan objektif ini sangat penting dalam menghasilkan kajian kerana objektif yang tepat memudahkan pengkaji untuk membuat hasil kajian dan lain-lain lagi. Objektif mestilah jelas supaya dapat mencapai hasil kajian selaras dengan tajuk yang dipilih.

Tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengenal pasti cara pengajaran seni khat di Sekolah Kebangsaan Cherang Ruku. Seperti yang diketahui pelbagai kaedah yang boleh diajarkan kepada pelajar sekolah rendah dengan mengaplikasikan pelbagai teknik yang mudah dan ringkas seperti cara menulis huruf per huruf, menulis huruf dengan ayat, menulis ayat dengan kalimat dan menulis huruf sambung.

Tujuan yang selanjutnya adalah mengenal pasti pendekatan pengajaran tokoh seni khat di Sekolah Kebangsaan Cherang Ruku. Pendekatan pengajaran boleh dikenal pasti sama ada pengawasan dan bimbingan guru yang berpengalaman boleh dijadikan sebagai pendekatan yang berkesan atau tidak. Selain itu, memberi latihan yang kerap dan banyak merupakan idea yang bagus atau hanya sekadar menyusahkan/membebankan pelajar yang sememangnya sudah sedia ada terbeban dengan pelbagai tugas sekolah. Akhir sekali, memastikan kaedah merujuk buku- buku dan hasil karya penulis yang terkenal dapat memberi impak positif atau tidak kepada mereka.

Objektif yang terakhir ialah mengenal pasti kaedah pengajaran terbaik tokoh seni khat di Sekolah Menengah Cherang Ruku untuk mata pelajaran seni khat di peringkat sekolah. Kaedah pengajaran terbaik seperti menggalakkan pelajar meniru atau menekap tulisan dapat memahirkan penulisan atau tidak kerana sesungguhnya teknik menekap ini hanya sekali proses sahaja yang dilakukan, hasil yang keluar sudah pasti amat memuaskan disamping kaedah ini melatih pelajar membiasakan

tangan melakar tulisan khat sekaligus kaedah ini mempraktiskan lagi tangan menjadi lembut supaya mudah untuk berkarya dan juga tidak lupa menjadikan hasil tulisan khat itu kemas, teliti dan indah untuk dipandang.

### **1.5 Manfaat Penyelidikan**

Bagi pengkaji, kajian ini dijalankan bertujuan memberi kepentingan kepada masyarakat. Antara kepentingan kajian ini adalah diharap dapat memberi kesedaran kepada masyarakat ke arah untuk mempelajari seni tulisan khat yang dikatakan terdiri daripada pelbagai jenis ini.

Selain itu, kepentingan ini adalah untuk Fakulti Pendidikan. Fakulti pendidikan bakal melahirkan graduan universiti yang bakal menjadi guru pendidikan Islam. Menerusi proses pembelajaran dan pengajaran dalam subjek pendidikan Islam, guru akan mengajar pelajar soal berkaitan seni tulisan khat . Oleh itu, pelajar dapat menguasai kesenian ini dengan mudah kerana pengajar mereka terdiri dari kalangan yang mahir dan terlatih.

Kepentingan kajian ini memberi manfaat kepada tenaga pengajar yang terlibat secara langsung di sekolah menengah atau rendah. Tenaga pengajar dapat menyediakan bahan-bahan, ilmu dan teknik yang berkesan sebagai persiapan kepada pelajar. Oleh itu, pelajar dapat menguasai teknik dengan lebih cepat. Tenaga pengajar juga dapat merancang dan menyusun strategi dalam sesi pengajaran seni khat.

## BAB 2

### KAJIAN PUSTAKA

#### 2.0 Pengenalan

Kajian pustaka adalah merupakan kerja-kerja mengumpul maklumat mengenai kajian penyelidikan lepas yang telah dibuat. Kajian pustaka amat penting kepada pengkaji agar kajian yang dilakukan mempunyai garis panduan dan sumber yang tepat dan jelas. Selain itu, ia juga penting kerana ia memberi idea mengenai penyelidikan yang akan dilakukan. Melalui kajian pustaka ini pengkaji dapat memanfaatkan ke dalam penulisan pengkaji.

#### 2.1 Pengajaran

Pengajaran adalah segala proses penyampaian ilmu pengetahuan dari seorang guru kepada pelajar yang merangkumi aspek yang berkaitan dengan teknik-teknik, strategi, kaedah, alat-alat dan sumber sumber tertentu.

Pengajaran bermaksud usaha yang dibuat bagi membolehkan pembelajaran berlaku dalam diri orang lain. Ia merangkumi penyediaan rancangan pengajaran yang meliputi penggunaan teknik pengajaran tertentu, alat dan bahan sumber tertentu. Dengan itu dapat dikatakan pengajaran adalah usaha yang diatur dan

mempunyai matlamat, yang biasanya untuk mencapai sesuatu yang boleh diukur kejayaannya. Robiah (1998)

## 2.2 Seni

Menurut Kamus Dewan Edisi Baru (1989) pengertian seni dapat dilihat dalam dua pengertian makna, dari segi bahasa, iaitu halus (kecil, elok), nipis dan halus. Dalam bentuk karya (sajak, lukisan, muzik), seni boleh serupa yang diciptakan melalui bakat kepandaian dari sesuatu ciptaan oleh orang yang memiliki kemahiran untuk mencipta sesuatu yang luar biasa. Dalam bahasa Inggerisnya art, bermakna halus, nipis dan damai. Kesenian merupakan aktiviti seni yang berkaitan dengan seni, keindahan dan kehalusan. Semua ini tidak ada yang lain melainkan membawa maksud nilai halus, indah, suci berguna, dan bermanfaat bagi manusia.

Sementara pengertian istilah iaitu segala yang halus dan indah lagi menyenangkan hati serta perasaan manusia, samaada ia merupakan hasil ciptaan Allah SWT mahupun yang dihasilkan oleh fikiran, kemahiran, imaginasi dan perbuatan susuk manusia.

Menurut Kamus Besar Bahasa Indonesia (1988) secara umumnya kesenian ditafsirkan sebagai sesuatu hasil ciptaan manusia yang memiliki nilai estetik bagi penciptanya, pernyataan dan hiasannya yang paling menonjol dan dominan dalam hal tertentu mengambil kira aspek penggunaannya.

### 2.3 Seni Khat

Menurut D.A. Girling (1978) pengertian seni khat dapat dilihat dalam dua pengertian, iaitu pengertian secara etimologi dan terminologi. Pengertian etimologi, kata khat lebih popular dan dikenal dengan seni kaligrafi Islam yang merupakan penyederhanaan daripada kata calligraphy, berasal dari dua suku kata bahasa Yunani iaitu Kallos: beauty (indah) dan Graphein: to write (menulis), yang bererti “seni menulis dengan indah, tulisan tangan yang menghasilkan huruf atau tulisan indah sebagai suatu seni; khat”. Kamus Dewan edisi baru (1989)

Dan disebut juga Farm al- Khat dalam ertian seni memperhalus tulisan atau memperbaiki coretan. Ilham Khoiri (1999). Pengertian tersebut, dapat dufahami bahawa seni khat merupakan tulisan yang ditulis indah dengan menggunakan huruf-huruf Arab sebagai tulisan asas, selain diikuti dengan coral hiasan dan motif-motif yang menarik sehingga memunculkan seni tulisan cantik serta indah untuk dinikmati sebagai karya seni.

Menurut pengertian Istilahan (Terminologi) pula, seni ialah segala yang halus dan indah lagi menyenangkan hati serta perasaan manusia, apakah ia merupakan hasil ciptaan Allah SWT ataupun yang dihasilkan oleh fikiran, kemahiran, imaginasi dan perbuatan seseorang manusia.

Secara harfiyah seni kaligrafi ditakrifkan oleh Ibnu Khaldun dalam bukunya al-Muqaddimah “Kaligrafi adalah lukisan dan bentuk harfiyah yang

menunjukkan kepada kalimat didengar yang mengisyaratkan apa yang ada di dalam jiwa.” Abdul Ghani Samsudin (2001)

Khat adalah merupakan lidahnya tangan, kecantikan rasa, penggerak akal, penasihat fikiran, senjata pengetahuan, perekat persaudaraan ketika bertikai dan pembincang ketika berjauhan, pencegah segala keburukan daan khazanah pelbagai masalah kehidupan. Aiman Abdul Salam (2002)

Pengertian istilah khat dikemukakan oleh Syekh Syamsudin al-Afkani (penulis pelbagai cabang ilmu: tasawuf, kedoktoran dan lain-lain) dalam kitabnya Irsyad al- Qasid (yang berisi tentang akhlak tasawuf), pada bab Hasyrul “Ulum: “Khat adalah ilmu yang memperkenalkan huruf tunggal, penempatannya dan cara merungkainya menjadi tulisan; atau apa yang ditulis dalam baris-baris, bagaimana cara menulisnya dan menentukan mana yang tidak perlu ditulis; mengubah ejaan yang perlu digubah dan bagaimana mengubahnya”. Ensiklopedia Islam (2004)

Sementara pengertian terminologi seni khat banyak definisi diberikan untuk menerangkannya. Antaranya ialah yang didefinisikan oleh ‘Ubaiydu’Llah IbnaI Abbas yang menyebutnya sebagai lisan al-yadd atau lidahnya tangan; kerana dengan tulisan itulah tangan bercakap. Dalam pelbagai istilah, seni kaligrafi atau khat dilukiskan sebagai kecantikan rasa, duta akal, penasihat fikiran, senjata pengetahuan, penjinak saudara dalam pertikaian, penghubung yang jauh, penyimpan rahasia dan khazanah rupa pelbagai masalah kehidupan. Ringkasnya, “khat itu ibarat ruh di dalam tubuh”. Didin Sirojuddin AR (1992)

Menurut Safadi dan Y.H (1978) perkembangan tulisan-tulisan khat utama dikenali dengan tulisan Sittah (enam), iaitu Thuluth, Nasakh, Muhaqqaq, Rayhani, Riq'ah dan Tawqi'. Bentuk seni khat ini lebih dikenal dengan nama al-Aqlam al Sittah (enam tulisan yang asal).

#### 2.4 Jenis-jenis tulisan khat

1. Tulisan thuluth
2. Tulisan nasakh
3. Tulisan muhaqqaq
4. Tulisan rayhani
5. Tulisan riq'ah
6. Tulisan tawqi

#### 2.5 Rujukan artis yang berkaitan

##### Faisal Alwie



Karya Faisal Alwie

Faisal Alwie merupakan seorang yang meminati bidang perakaunan dan bekerja dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) suatu ketika dahulu, kini beliau menjadi usahawan seni kaligrafi Islam menggunakan gabungan abstrak dan tulisan khat. Itulah yang dilalui oleh Muhammad Faisal Alwie yang tidak mempunyai sebarang kelayakan mahupun pengalaman dalam bidang seni, namun akhirnya memulakan perniagaan dengan menceburi bidang tersebut.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 Pendahuluan

Metodologi adalah merupakan kaedah atau pendekatan yang sering digunakan oleh setiap pelajar universiti dalam penyelidikan akhir tahunan sebagai satu format asas kajian untuk melengkapkan kajian penyelidikan yang merupakan syarat khas pelajar universiti untuk menghabiskan pengajian pada peringkat universiti. Kaedah yang digunakan sangat berkait rapat dengan objektif yang dipilih, justeru supaya objektif yang dinyatakan dapat mencapai hasilnya selaras dengan kaedah kajian yang memilih tinjauan melalui soal selidik secara alam maya dan juga aktiviti pemerhatian. Pendek kata kaedah kajian bertujuan penting dalam mencapai objektif kajian yang sangat berkaitan rapat dengan tajuk kajian penyelidikan.

#### 3.1 Skop Kajian

Kajian yang dijalankan hanya menekankan tentang cara pengajaran tokoh seni khat dalam kalangan pelajar sekolah rendah. Cara pengajaran yang manakah yang dapat membantu pelajar betul-betul menguasai seni khat. Selain itu, pengkaji juga menekankan pendekatan pengajaran tokoh seni khat yang melibatkan usaha untuk mendapatkan cara pengajaran yang berkesan dan boleh diterima oleh pelajar sekolah

rendah. Pengkaji juga ingin mengenal pasti kaedah pengajaran yang manakah merupakan kaedah pengajaran terbaik tokoh seni khat dalam kalangan pelajar sekolah rendah. Hal ini demikan kerana pengajaran yang terbaik dapat difokuskan dan hanya satu kaedah sahaja yang boleh diterima pakai.

### **3.2 Data**

#### **3.2.1 Pemerhatian**

Melihat, memfokuskan penglihatan dan mendalami seni khat dengan cara melayari Youtube untuk mendapatkan pendedahan awal dengan cara penulisan khat dihasilkan yang melibatkan pelbagai teknik, gaya, bentuk dan peraturan . Dengan penerangan dalam visual video pengkaji dapat menemui banyak data-data dan info yang boleh mengukuhkan pengkajian dengan lebih mudah.

#### **3.2.2 Data Soal Selidik**

Mendapatkan data melalui soal selidik sangat sering digunakan oleh pelajar universiti untuk cubaan mendapatkan pendapat/persepsi/pandangan dan tingkah laku, personaliti, sikap dan maklumat responden dalam setiap pengkajian yang dipilih oleh pelajar-pelajar universiti mengikut bidang pengajian yang diambil. Kajian soal selidik adalah salah satu bentuk kajian yang popular digunakan dalam kalangan penyelidik kerana dengan kaedah ini

penyelidik dapat mengumpul data dalam bentuk pertanyaan soalan kepada responden bagi menganalisis lebih banyak maklumat.

- a) Bentuk soalan yang dikemukakan dalam soal selidik ini adalah soalan tertutup.
- b) Jenis soalan yang mudah untuk menganalisis dan menyenangkan responden untuk memberikan jawapan kerana dia hanya dikehendaki memilih satu dari beberapa jawapan yang diberikan. Syed Arabi (1998)


### **3.2.3 Data Buku Ilmiah**

Selain menggunakan dokumen bertulis seperti artikel dan jurnal. Pengkaji juga menggunakan buku untuk mencari maklumat tambahan bagi mengukuhkan pengisian kajian. Buku tersebut bertajuk “ Khat dan Jawi Mutiara Kesenian Islam Sejagat.

### **3.2.4 Perpustakaan**

Kaedah penyelidikan perpustakaan atau dikenali sebagai Library Research merupakan kaedah yang biasa digunakan oleh para pengkaji untuk mendapat data dan bukti kajian. Pengkaji menggunakan kaedah ini kerana ingin mendapatkan sebanyak mungkin maklumat yang tepat berkaitan dengan kajian. Pengkaji telah membuat rujukan dan penyelidikan di perpustakaan Kota Bharu. Pengkaji meneliti semua bahan mengenai tajuk yang dikaji dengan sempurna. Seterusnya , bahan tersebut dijadikan sumber bacaan untuk mendapat lebih lagi ilmu tentang seni khat dan membantu pengkaji menghasilkan penulisan ilmiah.

## Membuat Diagram Proses Kajian



### 3.3 Carta Gantt

Minggu	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14
Cadangan Penyelidikan														
Perbincangan untuk pemilihan tajuk	■													
Mengenal pasti kajian kes		■	■											
Melakukan penyelidikan berkaitan tajuk			■	■										
Penulisan Thesis														
Bab 1					■	■	■							
Pengenalan penyataan masalah					■	■	■							
Pengesahan Objektif					■	■	■							
Manfaat kajian						■								
Penulisan Thesis														
Bab2							■	■	■					
Kajian Pustaka							■	■	■					
Perbandingan kajian								■	■					
Penulisan Thesis														

<b>Bab 3</b>													
<b>Metodologi</b>													
<b>Tambahan pada carta gantt</b>													

## BAB 4

### KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

#### 4.1 PENGENALAN

Dalam kajian penyelidikan ini, penyelidik telah menggunakan kaedah kualitatif . Melalui kaedah penyelidikan ini, penyelidik telah dapat membezakan maklumat melalui beberapa kaedah teknik itu, misalnya teknik soal selidik dan pemerhatian.


#### 4.2 Penemuan Penyelidikan

##### 4.2.1 Pemerhatian

Pemerhatian adalah merupakan salah satu kaedah penyelidikan yang dilakukan untuk mencapai objektif kajian. Kaedah pemerhatian yang dilakukan adalah melalui menonton Youtube tentang cara menulis tulisan khat Nasakh yang merupakan salah satu jenis tulisan khat yang ada daripada pelbagai jenis.




Rajah 4.1.2




Rajah 4.1.3

Berdasarkan pada gambar-gambar diatas, berikut merupakan panduan bagaimana hendak menulis tulisan khat Nasakh. Cara yang pertama, buat 3 garis yang diukur dengan beberapa titik dan ambil huruf alif sebagai panduan untuk huruf menebak iaitu sebanyak 5 titik (Rujuk rajah 4.1.1). Bahagian bawah letak 2 titik sebagai panduan untuk huruf berekor. Terdapat 3 garisan untuk menulis ayat supaya tulisan menjadi cantik dan ejaan menjadi betul. Oleh itu lakaran harus dibuat dengan pensil dan setiap tulisan itu perlu dibuat pada garisan kedua setelah siap latar dengan pensil barulah pen khat digunakan dan seterusnya ditindan balik ke atas tulisan yang digunakan dengan pensil (Rujuk rajah 4.1.3).



Rajah 4.1.4



Rajah 4.1.5

MALAYSIA  
KELANTAN



Rajah 4.1.6

Berdasarkan pada ketiga-tiga gambar rajah tersebut ,kita dapat melihat bagaimana seseorang individu itu memberi tutor cara menulis huruf alif (khat Nasakh) melalui platform internet (Youtube). Langkah pertama huruf alif perlu diukur menggunakan titik dan bagi huruf alif titiknya adalah sebanyak 5 titik dengan ditulis dari atas hingga ke bawah dan pastikan mata pena selalu diperhatikan untuk mendapatkan bentuk tulisan yang kemas dan rapi (Rujuk rajah 4.1.4).

Kemudian, gariskan tepi huruf alif kiri dan kanan dan seterusnya buat garisan bulat pada bahagian kanan atas dan kiri bawah huruf alif dan pastikan huruf alif bahagian atas condong ke kiri supaya tidak kelihatan tegak sepenuhnya.

#### 4.2.2 Soal Selidik

Penyelidikan yang telah dilakukan adalah bergantung kepada tinjauan yang diberikan kepada responden-responden melalui (Google Form) yang dilakukan secara atas talian. Google Form telah dibuka selama 7 hari sehingga ia mencapai target responden iaitu seramai 40 orang. Google Form adalah merupakan salah satu teknik yang mudah dilakukan tanpa melibatkan pertemuan dua individu atau lebih malah kaedah ini sangat pantas dan sesuai untuk digunakan.

Kaedah soal selidik


Bilangan sampel :40 responden

Tempoh penyelidikan : 7 hari

Bilangan soalan : 8 soalan


Istilah yang digunakan untuk responden : Google form

#### 4.2.2.1 Latar Belakang Responden



Rajah 4.2.1 : Peratusan jantina


Berdasarkan pada rajah diatas, kita menyedari bahawa bilangan responden perempuan melebihi responden lelaki. Kadar peratusan bagi responden perempuan yang menjawab soal selidik ialah (62.5%) dan selebihnya (37.5%) ialah responden yang terdiri daripada lelaki.



Terdapat 4 fasa usia yang dikaitkan dengan projek penyelidikan ini. Antara fasa pertama yang dikumpulkan dalam soal selidik ini ialah individu yang berumur dalam lingkungan 19-25 tahun. Manakala fasa umur kedua pula ialah mereka yang berumur

dalam lingkungan 26-30 tahun dan seterusnya fasa yang ketiga ialah berumur 31- 35 tahun dan akhir sekali mereka yang terlibat ialah berumur dalam lingkungan 36-40 tahun keatas.

Mengikut rajah diatas, bilangan peratusan responden bagi fasa pertama yang berumur lingkungan 19-25 tahun ialah sebanyak (77.5%) yang mendahului 3 fasa umur yang dinyatakan pada rajah 4.2.2 . Seterusnya bagi responden yang berumur 26-30 tahun pula mencatatkan bilangan sebanyak (7.5%). Lebih- lebih lagi hanya 4 orang sahaja yang mencatat peratusan sebanyak (10%) bagi lingkungan umur 31-35 tahun. Akhir sekali, hanya 2 sahaja responden yang menjawab soal selidik bagi lingkungan umur 36-40 tahun dengan mencapai peratusan sebanyak (5%).



Rajah 4.2.3 : Peratusan lokasi tempat tinggal

Responden yang terlibat dalam kajian penyelidikan ini telah dikategorikan dengan 2 jenis lokasi tempat tinggal iaitu luar bandar dan bandar. Berdasarkan rajah 4.2.3 sebanyak (82.5%) responden yang tinggal diluar bandar sekaligus mencatatkan peratusan paling banyak bagi peratusan lokasi tempat tinggal. Manakala, selebihnya

hanya 7 orang sahaja yang tinggal di bandar dengan kadar peratusan sebanyak (17.5%).



Berdasarkan pada rajah 4.2.4, terdapat tiga kategori kumpulan pendapatan yang terdiri daripada B40, M40 dan 120. Kategori kumpulan pendapatan B40 mendominasi keseluruhan kumpulan pendapatan dengan mencapai kadar peratusan sebanyak (90%). Selebihnya hanya (10%) responden yang berpendapatan M40 dan seterusnya kategori 120 mencatatkan sifar.

#### **4.2.2.2 Cara Pengajaran Tokoh Seni Khat**



#### 4.2.5 : Contoh kaedah menulis huruf per huruf

Adakah dengan kaedah menulis huruf-perhuruf memudahkan pelajar menguasai teknik pembelajaran

40 responses



4.2.6 : Peratusan berdasarkan pada soalan “ adakah dengan kaedah menulis huruf per huruf memudahkan pelajar menguasai teknik pembelajaran?”

Mengikut soal selidik yang dilakukan sebanyak (97.5%) yang menjawab ya pada soalan “adakah dengan kaedah menulis huruf per huruf memudahkan pelajar menguasai teknik pembelajaran”? dan sebanyak (2.5%) responden yang menjawab mungkin dan bagi jawapan tidak mencatatkan bilangan sifar.


Hal ini demikian kerana ramai responden yang menjawab ya sebab menulis huruf per huruf yang bermula dengan huruf alif sehingga ya dapat memberi asas kaedah tulisan kepada mereka tambahan pula jika mereka melakukan secara berurutan dan berasingan. Bagi mereka yang menjawab mungkin pula boleh dikatakan tidak pernah mempunyai pengetahuan asas tentang tulisan khat.

د س س س س س س س س  
ل ا م ا ب ا ب ا ب ا ب ا ب  
س ل ع ل د ل و ل ي ل د ل ي  
س ت ر س س ت ح د ح م ح م ح ي ي ج ي ي

#### 4.2.6 : Contoh kaedah menulis huruf sambung

Adakah kaedah menulis huruf sambung mampu memberi perubahan positif kepada pelajar

40 responses



#### 4.2.7 : Peratusan berdasarkan pada soalan “adakah kaedah menulis huruf sambung

mampu memberi perubahan positif kepada pelajar”.

Berdasarkan pada rajah di atas sebanyak (95%) responden yang menjawab ya pada soalan ““adakah kaedah menulis huruf sambung mampu memberi perubahan positif kepada pelajar” dan selebihnya hanya (5%) sahaja yang menjawab mungkin.


Keseluruhannya, kebanyakannya mereka sangat bersetuju kaedah menulis huruf sambung memberi perubahan positif kepada pelajar.

صَطْ صَعْ صَفْ صَقْ صَكْ صَلْ  
صَمْ صَهْ صَنْ صَوْ صَهْ صَلاْ  
صَحِيفَةْ صَهَابِيْ ضَبْعَةْ ضَهِيْ صَهَىْ  
الصلَاةْ تَضْلِيلْ يَضْعُوكُونْ

4.2.8 : Contoh kaedah menulis huruf dengan ayat

Adakah kaedah menulis huruf dengan ayat perlu dilaksanakan

40 responses



4.2.9 : Peratusan berdasarkan pada soalan “adakah kaedah menulis huruf dengan ayat perlu dilaksanakan”

Berdasarkan pada rajah diatas, responen telah ditanya pada soalan “adakah kaedah menulis huruf dengan ayat perlu dilaksanakan?”. Maka sebanyak (90%) yang menjawab ya. Manakala, sebanyak (10%) yang menjawab mungkin.

Secara keseluruhannya, kaedah menulis huruf dengan ayat perlu dilaksanakan pada setiap sekolah rendah bagi subjek pendidikan Islam.


وَمِنَ الْأَيْمَنِ فَتَحْجِدُه بِكَافِلَةِ لَكَ



#### 4.2.10 : Contoh kaedah menulis ayat dengan kalimat

Adakah kaedah menulis ayat dengan kalimat merupakan kaedah yang perlu ada dalam teknik pengajaran

40 responses



#### 4.2.11 : Peratusan berdasarkan pada soalan “ adakah kaedah menulis ayat dengan kalimat merupakan kaedah yang perlu ada dalam teknik pengajaran? ”.


Berdasarkan pada rajah diatas, sebanyak (92.5%) responden yang menjawab soal selidik ya pada soalan tersebut dan sebanyak (7.5%) responden yang menjawab

mungkin pada soalan yang berbunyi “ adakah kaedah menulis ayat dengan kalimat merupakan kaedah yang perlu ada dalam teknik pengajaran? ”.

#### 4.2.2.3 Pendekatan Pengajaran Tokoh Seni Khat

Adakah dengan pengawasan dan bimbingan guru yang berpengalaman pelajar dapat mahir menggunakan tulisan khag

40 responses




4.2.12 : Peratusan berdasarkan pada soalan “ adakah dengan pengawasan dan bimbingan guru yang berpengalaman pelajar dapat mahir menggunakan tulisan khat.

Berdasarkan pada rajah tersebut sebanyak (87.5%) responden yang menjawab ya pada soalan “ adakah dengan pengawasan dan bimbingan guru yang berpengalaman pelajar dapat mahir menggunakan tulisan khat? ”. Selain itu, sebanyak (5%) yang menjawab tidak dan seterusnya yang menjawab mungkin hanyalah (7.5%) sahaja.

Secara keseluruhannya, kaedah pengawasan dan bimbingan daripada guru yang berpengalaman pelajar sememangnya dapat mahir menggunakan tulisan khat.

Adakah dengan memberi latihan yang kerap dan banyak dapat membantu pelajar menguasai tulisan khat

40 responses




4.2.13 : Peratusan berdasarkan pada soalan “ adakah dengan memberi latihan yang kerap dan banyak dapat membantu pelajar menguasai tulisan khat”?.

Dalam kajian penyelidikan ini sebanyak (95%) responden yang menjawab ya pada soalan “ adakah dengan memberi latihan yang kerap dan banyak dapat membantu pelajar menguasai tulisan khat”? dan selebihnya hanya (5%) yang menjawab mungkin dan yang menjawab tidak mencatatkan bilangan sifar.

Secara keseluruhannya, yang bersetuju dengan kaedah memberi latihan yang kerap dan banyak mendahului mereka yang menjawab tidak dan mungkin.

Adakah dengan merujuk buku-buku atau hadil karya penulis yang terkenal dapat memberi kesan positif terhadap proses pembelajaran

40 responses




4.2.14 : Peratusan berdasarkan pada soalan “adakah dengan merujuk buku-buku atau hasil karya penulis yang terkenal dapat memberi kesan positif terhadap proses pembelajaran”?

Berdasarkan pada soalan “adakah dengan merujuk buku-buku atau hasil karya penulis yang terkenal dapat memberi kesan positif terhadap proses pembelajaran”? dan sebanyak (42.5%) responden yang menjawab ya. Manakala, hanya (15%) responden menjawab tidak dan selebihnya sebanyak (42.5%) yang menjawab mungkin.

Secara keseluruhannya, rata-rata responden bersetuju dengan merujuk buku-buku atau hasil karya penulis yang terkenal dapat memberi kesan positif terhadap proses pembelajaran.

#### 4.2.2.4 Kaedah Pengajaran Terbaik Tokoh Seni Khat



4.2.15 : Peratusan berdasarkan pada soalan “adakah kaedah meniru atau menekap dapat memahirkan penulisan”?.

Berdasarkan pada rajah tersebut, jawapan ya mendominasi pada soalan yang berbunyi “ adakah kaedah meniru atau menekap dapat memahirkan penulisan”??. Sebanyak (50%) responden yang menjawab ya dimana mereka bersetuju kaedah ini dilaksanakan. Manakala yang menjawab mungkin hampir menyamai peratusan yang menjawab ya iaitu dengan kadar peratusan sebanyak (47.5%) dan akhir sekali yang menjawab tidak mencatatkan kadar peratusan sebanyak (2.5%).

Hal ini menjelaskan responden bersetuju kaedah meniru atau menekap dapat memahirkan penulisan dan separuh lagi menjawab mungkin kerana masih ragu-ragu dan kurang mendapat pendedahan akan kaedah menulis tulisan khat itu.

## Hasil karya

Bahan bahan untuk hasil karya



Rajah 1 : dari kiri ke kanan (akrilik, emulsion, air, gam) di hadapan (berus)



Rajah 2 : kanvas yang sudah disapu dengan Emulsion



Rajah 3 : Akrilik yang dicampur dengan gam dan air

Rajah 1 menunjukkan bahan-bahan yang disediakan dengan campuran akrilik bersama air dan gam mengikut nisbah yang diperlukan. Pada kanvas tersebut, teknik pouring acyrilic dilakukan untuk mendapatkan bentuk background yang berwarna warni dan mempunyai pelbagai bentuk. Sebanyak 13 warna dipilih iaitu terdiri daripada warna pink cerah, kuning, putih dan oren ungu biru hijau merah tua, coklat dan lain-lain lagi, satu persatu warna yang berbeza dicurahkan keatas warna yang lain mengikut teknik pouring yang dibelajar menerusi Youtube. Selepas warna bercampur mengikut citarasa yang diinginkan kanvas dijemur dibawah matahari sehingga kering.

Kemudian, satu kertas drawing bersaiz A2 disediakan untuk melukis tulisan khat. Selepas tulisan itu siap dilakarkan tulisan itu digunting untuk mendapatkan bentuk tulisan khat tersebut. Apabila siap digunting kertas drawing yang bersaiz A2 itu dilekatkan pada kanvas yang lengkap ada background. Seterusnya, warna akrilik putih disapu pada bahagian kertas drawing yang digunting untuk membentuk tulisan khat pada kanvas. Warna putih dipilih supaya hasil yang terakhir akan memaparkan tulisan khat yang lebih menyerlah berbanding background. Hal ini kerana motif utama hasil seni adalah berfokus kepada ketelitian, kekemasan dan keindahan tulisan khat. Setelah akrilik itu kering, kertas drawing ditanggalkan untuk langkah yang terakhir iaitu finishing. Finishing adalah untuk memastikan tulisan itu kemas dan mendapat hasil kemas yang diinginkan.

**Hasil kerja akhir**



Tajuk : Grateful

**Artist Statement**

Nama : Wan Nur Nadhirah Binti Wan Mahmud

Tajuk : Grateful

Saiz : 3x4

Medium : Akrilik, kanvas, gam, air

Description :

## BAB 5

### KESIMPULAN

#### 5.1 Pengenalan

Bahagian ini merupakan bahagian terakhir dalam kajian penyelidikan ini. Semua hasil kajian dan cadangan akan disimpulkan dalam bahagian ini selaras dengan permasalahan dan objektif kajian. Selain itu juga implikasi kajian penyelidikan juga akan dibincangkan. Cadangan juga akan dibincangkan dalam bahagian ini untuk kajian pada masa hadapan dengan tajuk yang sama untuk memperkuuhkan sumber rujukan.

#### 5.1.1 Perbincangan

seni khat mempunyai pelbagai jenis kaedah pengajaran yang dapat membantu pelajar untuk mahir dalam sesi pembuatannya. Amalan seni khat ini tidak memerlukan banyak peralatan cuma ia hanya memerlukan banyak kesabaran, ketelitian, kehalusan, kelembutan dan kekreatifan. Justeru bermacam-macam jenis tulisan khat ini menjadikan kita perlu mempunyai banyak ilmu dan teknik untuk menguasai seni tersebut.

#### 5.2 Kesimpulan

Kesimpulannya, seni khat dapatlah dikatakan sebagai salah satu jenis tulisan yang mewarnai pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menjadi nilai kesenian Islam. Seni khat ini hendaklah diteruskan aktiviti-aktiviti penulisannya supaya

warisan ini tidak dilupakan untuk masa yang akan datang. Semoga seni teragung ini diberikan penghargaan oleh pihak atasan pendidikan supaya pengajian seni khat ini diperbanyakkan di mana-mana sekolah rendah yang ada di seluruh negara walaupun rakyat bukan Melayu itu sendiri.

### 5.3 Cadangan

Sebagai pelajar sekolah rendah yang pernah belajar tulisan khat pada subjek pendidikan Islam dahulu, pengkaji berharap seni ini diperkenalkan lebih luas lagi sebagai tulisan yang penting dalam agama Islam. Diharap pengajaran tulisan khat tidak dilakukan sekadar di bilik darjah sahaja malah di ruang kuliah dan ruang sekolah menengah turut diadakan. Diharap juga walaupun dikatakan seratus peratus kita menggunakan tulisan rumi dalam kehidupan kita, pastikan tulisan khat sentiasa didedahkan atau digembar-gemburkan dalam kalangan pelajar sejak dari kecil. Ini kerana tulisan khat merupakan bukti bahawa Islam amat indah dan lembut agamanya sesuai dengan teknik bagaimana hendak melakar tulisan ini pada kertas, kanvas atau mana-mana medium yang boleh diaplikasikan. Justeru itu, diharap cadangan ini dapat menyimpan khazanah tamadun Islam dan dipersembahkan kepada seluruh dunia tentang indahnya kesenian Isam itu.

## RUJUKAN

### Jurnal

1. Abdullah Yusof. 2004, Seni Islam. Siri Pengajian Usuluddin Universiti Malaya, Kuala Lumpur: Terbitan UMCCed.
2. Didin Sirajuddin, A.R. 1985. Seni Kaligrafi Islam, Jakarta: Pustaka Panjimas.
3. Ghazali Darussalam. 2001. Sumbangan sarjana dalam tamadun Islam. Jakarta: Darul Ulum Press.
4. Girling, D.A., (ed). 1978. Eryman's encyclopedia. London: JM. Dent & Sons Ltd.
5. Kamus besar Bahasa Indonesia. 1988. Jakarta: Departmen Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia.
6. Kamus Dewan (edisi baru). 1989. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.  
Lois al-Ma'luf. T.th al-Munjid fi al-lughat wa al-alam. Beirut: Dar al Mashariq.
7. Syahruddin. 2004. Kaligrafi al-Quran dan metodologi pengajarannya. Jakarta: Darul Ulum Press.
8. Sidi Ghazalba. 1977. Pandangan Islam tentang kesenian. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

## Youtube

[https://www.youtube.com/results?search\\_query=kaedah+mengajar+tulisan+k+hat](https://www.youtube.com/results?search_query=kaedah+mengajar+tulisan+k+hat)

<https://www.youtube.com/watch?v=umavBcrLhrI>



**Soal selidik**

Lokasi tempat tinggal \*

- Luar bandar
- Bandar

Kategori kumpulan pendapatan \*

- B40
- M40
- 120

Bahagian B : Pendekatan pengajaran tokoh seni khat

Adakah dengan pengawasan dan bimbingan guru yang berpengalaman pelajar dapat mahir menggunakan tulisan khag \*

- Ya
- Tidak

Adakah dengan pengawasan dan bimbingan guru yang berpengalaman pelajar dapat mahir menggunakan tulisan khag \*

- Ya
- Tidak
- Mungkin

Adakah dengan memberi latihan yang kerap dan banyak dapat membantu pelajar menguasai tulisan khat \*

- Ya
- Tidak
- Mungkin

Adakah dengan merujuk buku-buku atau hadil karya penulis yang terkenal dapat memberi kesan positif terhadap proses pembelajaran \*

- Ya
- Tidak

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Adakah dengan merujuk buku-buku atau hadil karya penulis yang terkenal dapat memberi kesan positif terhadap proses pembelajaran \*

- Ya
- Tidak
- Mungkin

**Bahagian c: Kaedah pengajaran terbaik tokoh seni khat**

Adakah kaedah meniru atau menekap dapat memahirkan penulisan? \*

- Ya
- Tidak
- Mungkin

**Bahagian D : Cara pengajaran tokoh seni khat**

Adakah dengan kaedah menulis huruf-perhuruf memudahkan pelajar

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

**Bahagian D : Cara pengajaran tokoh seni khat**

Adakah dengan kaedah menulis huruf-perhuruf memudahkan pelajar menguasai teknik pembelajaran \*

A handwritten sample of Arabic calligraphy in black ink on a light-colored background. The text consists of several lines of cursive Arabic script, including "لَا يَرْجُوا رِزْقًا" and "لَا يَرْجُوا رِزْقًا". The handwriting is fluid and artistic.

- Ya
- Tidak
- Mungkin

Adakah kaedah menulis huruf sambung mampu memberi perubahan positif kepada pelajar \*

A handwritten sample of Arabic calligraphy in black ink on a light-colored background. The text consists of several lines of cursive Arabic script, including "لَا يَرْجُوا رِزْقًا" and "لَا يَرْجُوا رِزْقًا". The handwriting is fluid and artistic.

Adakah kaedah menulis huruf sambung mampu memberi perubahan positif kepada pelajar \*

نَامَةَ سَادَتْ بَصِيرَةَ مَكَّةَ  
سَعَى لِلْهُوَى حَتَّى  
سَرَسَ ~ مُحَمَّدٌ حَمَّـيْ بِجَاهِ

- Ya
- Tidak
- Mungkin

Adakah kaedah menulis huruf dengan ayat perlu dilaksanakan \*

صَطْ صَعْ صَفْ صَقْ صَكْ صَلْ  
صَمْ صَمْ صَنْ صَوْ صَهْ صَلَّا  
صَحِيفَةَ صَحَابِيْ ضَجَعَةَ ضَحَى صَمَدَه  
الصلوة تضليل يضخكون

- Ya
- Tidak

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Adakah kaedah menulis huruf dengan ayat perlu dilaksanakan \*

صَطْ صَعْ صَفْ صَقْ صَكْ صَلْ  
صَمْ صَمْ صَنْ صَوْ صَهْ صَلَا  
صَحِيفَةْ صَحَابِيْ ضَبْجَعَةْ ضَحِيْ صَهْ  
الصلَّا تَضْلِيلْ يَضْكُونْ

- Ya
- Tidak
- Mungkin

Adakah kaedah menulis ayat dengan kalimat merupakan kaedah yang perlu ada dalam teknik pengajaram \*

وَمِنَ الْأَيْنَ شَفَتْ بَحْدَذِيْهِ نَكَافَلَةَ لَكَ

- Ya

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Adakah kaedah menulis ayat dengan kalimat merupakan kaedah yang perlu ada dalam teknik pengajaram \*

وَمِنَ الْأَيْنَ شُفَّتْ بِحَمْدِهِ بِكَافِلَةِ لَكَ

- Ya
- Mungkin
- Tidak

**Submit**

Never submit passwords through Google Forms.

This content is neither created nor endorsed by Google. [Report Abuse](#) - [Terms of Service](#) - [Privacy Policy](#)

Google Forms

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN